

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, November 19, 2018 2:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lakaran Indah Terukir Di Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

19 NOVEMBER 2018 / 11 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: Seksyen Fotografi dan Mohamad Fuzi Ismail

LAKARAN INDAH TERUKIR DI MAJLIS KONVOKESYEN KE-31 UUM



UUM ONLINE: Setelah berhempas pulas mengerah tenaga, wang dan masa mengejar ilmu, penantian 6,156 graduan berakhir dengan kenangan terindah apabila berjaya menggenggam segulung ijazah pada Majlis Konvokesyen Ke-31 UUM yang baharu melabuhkan tirai pada Khamis lalu.

Gembira, bangga dan sebak jelas terpancar di wajah ibu bapa, ahli keluarga dan terutamanya graduan apabila usaha gigih mereka selama empat tahun ini membuahkan kejayaan manis.

Debaran mulai terasa pada hari mengambil jubah masing-masing sehingga ke hari bersejarah bermula pada sesi pertama pada 11 November dan berakhir dengan sesi ke-9 yang menutup majlis gilang-gemilang tersebut.

Universiti juga melakar sejarahnya apabila Raja Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor baharu.

Selain itu, turut berlangsung pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Logistik) kepada Pengarah Urusan dan Ketua Pengarah Eksekutif PKT Logistics Group Sdn. Bhd., Dato' Michael Tio.

Sepanjang lima hari ini, kita menyaksikan pelbagai reaksi graduan, tidak ketinggalan graduan paling senior berusia 69 tahun dan mereka diraikan dengan cara tersendiri oleh orang tersayang.

Bagi memeriahkan lagi Majlis Konvokesyen Ke-31 ini, UUM turut menganjurkan Pesta Konvokesyen yang bermula 8 November hingga 15 November lalu yang sarat dengan pelbagai aktiviti menarik di samping memberi peluang kepada pelajar melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan.

Antaranya, gerai jualan pelbagai makanan dan produk, Fun Fair Pesta Konvo, Bumber Ball Competition, Best INASIS Showcase Night (BIS Night), Abseiling For Outdoor Lovers, aktiviti *edutourism*, The Amazing Race, Pertandingan Menulis Khat dan Kejohanan Liga Sepak Penalti Terbuka UUM.

Tidak dilupakan kerja keras seluruh warga UUM yang bekerja siang dan malam bagi memastikan kelancaran Majlis Konvokesyen Ke-31 dan Pesta Konvokesyen (Peskon).

Tahniah dan syabas kepada graduan dan warga kerja UUM!!



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.